



NEGERI JOHOR

**TAMBAHAN PERUNDANGAN**

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**J.P.U. 42/2000**

**UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 1999**

Tarikh penyiaran:

31 Ogos 2000

Tarikh mula berkuatkuasa:

31 Ogos 2000

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Nama.

Undang-Undang Kecil 2. Pindaan undang-undang kecil 2

Undang-Undang Kecil 3. Pindaan undang-undang kecil 25

Undang-Undang Kecil 4. Undang-undang kecil baru 25A

Undang-Undang Kecil 5. Pindaan undang-undang kecil 28

Undang-Undang Kecil 6. Pindaan Jadual Kedua

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

### **1. Nama**

Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1999**.

### **2. Pindaan undang-undang kecil 2.**

Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [GN5178/1985], yang disebut “Undang-undang Kecil Ibu” dalam undang-undang kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 2 –

(a) dengan memasukkan selepas takrif “pelukis plan bangunan berdaftar” takrif yang berikut:-

“perakuan siap dan pematuhan” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 25A; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “rumah teres” takrif yang berikut:

“rumah berasingan yang dibina secara tunggal” ertinya rumah berasingan yang dimaksudkan bagi kediaman keluarga yang dibina secara tunggal di atas lot yang dipunyai oleh orang perseorangan;.”

### **3. Pindaan undang-undang kecil 25**

Perenggan 25(1) Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:-

“(c) apabila berpuas hati dengan kehendak di bawah subperenggan (a) dan (b) pihak berkuasa tempatan hendaklah mengeluarkan perakuan kelayakan menduduki kepada orang berkelayakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengemukaan Borang E.

(d) sekiranya orang berkelayakan tidak menerima perakuan kelayakan menduduki daripada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan bagi perakuan kelayakan menduduki hendaklah disifatkan telah diluluskan.

(e) pihak berkuasa tempatan kemudian hendaklah mengeluarkan perakuan kelayakan menduduki kepada pemilik bangunan.”

### **4. Undang-undang kecil baru 25A**

Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 25 undang-undang kecil yang berikut:

#### **“25A. Perakuan siap dan pematuhan**

(1) Suatu salinan perakuan siap dan pematuhan dalam Borang F dalam Jadual Kedua hendaklah diberikan kepada pemilik rumah berasingan yang dibina secara tunggal apabila orang yang berkelayakan telah memperakuan dalam Borang F bahawa –

- (a) dia telah mengawasi pembinaan dan penyiapan rumah berasingan yang dibina secara tunggal itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya rumah berasingan yang dibina secara tunggal itu telah dibina mengikut Undang-undang Kecil ini;
- (b) syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipenuhi;
- (c) semua perkhidmatan perlu telah disediakan; dan
- (d) dia menerima tanggungjawab penuh bagi bahagian yang berkenaan dengannya.

(2) Orang yang berkelayakan hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan siap dan pematuhan itu kepada pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Arkitek Malaysia.”

#### **5. Pindaan undang-undang kecil 28**

Undang-undang kecil 28 Undang-undang Kecil ibu dipinda –

- (a) dengan menomborkan semula undang-undang kecil itu sebagai perenggan 28(1);
- (b) dalam perenggan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana bahagiannya” perkataan “, selain rumah berasingan yang dibina secara tunggal,”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(2) Tiada seorang pun boleh menduduki atau membernarkan diduduki mana-mana rumah berasingan yang dibina secara tunggal melainkan jika suatu perakuan siap dan pematuhan telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini bagi rumah berasingan yang dibina secara tunggal itu dan apa-apa kegagalan untuk mematuhi perenggan ini boleh menyebabkan orang itu boleh didakwa di bawah Akta.”

#### **6. Pindaan Jadual Kedua**

Jadual Kedua kepada Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas Borang E Borang yang berikut:

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984  
BORANG F  
PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN  
(Undang-undang Kecil 25A)

Kepada:  
(Nama pemunya)

.....  
.....

\* Saya/Kami dengan ini mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan bagi rumah berasingan yang dibina secara tunggal di atas Lot/Lot-lot ..... Seksyen ..... Jalan ..... setelah berpuas hati bahawa rumah berasingan yang dibina secara tunggal itu telah disiapkan menurut plan yang diluluskan No. .....

\* Saya/Kami memperakui bahawa \* saya/kami telah mengawasi pembinaan dan penyiapan rumah berasingan yang dibina secara tunggal itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan \* saya/kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan bangunan dan struktur dan bahawa \* saya/kami menerima tanggungjawab penuh atas bahagian yang baginya \* saya/kami masing-masing bertanggungjawab penuh berkenaan dengannya.

.....  
*Tandatangan orang yang berkelayakan*

Butir-butir orang yang berkelayakan:

Nama:.....

Alamat:.....

No.Pendaftaran : .....

Kelas:.....

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Bertarikh pada 2hb Ogos 2000.  
[K.T. 14/13 Jld. 4; PUNJ. 105 (UK) Jld. 5]

HAJI MOHAMAD BIN HAJI KARIM,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Johor